

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 28 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 17

Dijual dengan harga antara RM250,000 hingga RM270,000

PR1MA bina 12,527 unit kediaman

Oleh **IZZAT NASURUDEN**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 27 SEPT.

SEBANYAK 12,527 unit kediaman Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) telah siap 90 peratus dan akan dijual dengan harga antara RM250,000 hingga RM270,000.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamarudin berkata, harga tersebut adalah selepas pemberian 30 peratus diskaun kepada pembeli mengikut kelayakan.

"Hal ini dapat dilakukan se-

lepas 17 kontraktor daripada PR1MA bersetuju mengambil bahagian dalam pelan penyelesaian yang dirangka Lembaga Pengarah PR1MA.

"Kita jangka semua unit kediaman itu yang bernilai RM3.29 bilion akan siap sepenuhnya pada penghujung Disember ini," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis penyerahan dokumen perjanjian PR1MA di Subang Jaya, dekat sini hari ini.

Sementara itu, mengenai aduan rasmi yang dihantar ke Lembaga Disiplin PKR mengenai dirinya, Zuraida enggan

memperbesarkan isu tersebut.

Semalam, aduan rasmi terhadap Naib Presiden PKR, Zuraida Kamaruddin dan beberapa pemimpin lain kerana melanggar peraturan parti telah dihantar ke Lembaga Disiplin PKR.

Menurut Ahli Majlis Pimpinan Pusat PKR, Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid, aduan terhadap Zuraida kerana dengan sengaja tidak menghadiri mesyuarat parti telah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Disiplin PKR, Datuk Ahmad Kassim menerusi emel dan ke kediamannya, Selasa lalu.



ZURAIDA KAMARUDDIN